

Barang sekolah: Jangan risau, KPDNHEP pantau



ISKANDAR Halim (tiga dari kanan) mendekati wanita yang membeli barang kelengkapan sekolah anaknya ketika pemeriksaan di pusat beli-belah di Jalan Tunku Abdul Rahman, hari ini. FOTO Nik Hariff Hassan.

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

BELUM ada lagi laporan mengenai kenaikan harga kelengkapan sekolah di seluruh negara, kata Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Iskandar Halim Sulaiman.

Beliau berkata, sehingga kini 110 premis menjual barangan sekolah sudah diperiksa sempena Program Back To School.

Katanya, pemeriksaan juga membabitkan 881 barang sekolah.

"Sejak 18 Disember lalu, pemeriksaan dilakukan kami mendapati tiada kenaikan harga barangan sekolah dikesan di seluruh negara.

"Bagaimanapun, 98 notis dikeluarkan terhadap peniaga (dalam pemeriksaan hari ini) yang meletakkan harga meragukan," katanya pada sidang media selepas menghadiri pemeriksaan harga barangan sekolah di pusat beli-belah di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, hari ini.

Iskandar berkata, antara barangan dijual pada harga meragukan terutama pakaian seragam dan kasut.

"Justeru, kami mengeluarkan notis berkenaan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi mengetahui harga sebenar barangan itu.

“Peniaga yang dikenakan notis itu diberi tempoh lima hari bagi mengemukakan dokumen serta maklumat mengenai barangan berkenaan sebelum penilaian dibuat pihak KPDNHEP sama ada berlaku pencatutan harga atau sebaliknya,” katanya.

Jelasnya, pemeriksaan dan pemantauan berkala akan diadakan sehingga 3 Januari bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 23 Disember 2019 @ 3:26 PM

